



MAJLIS DAERAH KETEREH-PI
16450 KOTA BHARU
KELANTAN.
NO. TEL : 09-7886112 / FAKS : 09-7886031

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Rakyat Negeri Kelantan Darul Naim yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut di **MAJLIS DAERAH KETEREH PERBANDARAN ISLAM, 16450 KOTA BHARU, KELANTAN.**

- A. 1.**
- | | | | |
|-----|-----------------------|---|--------------------------------|
| (a) | Jawatan | : | PEMANDU KENDERAAN |
| (b) | No. Fail | : | MDK/10/21/Jld. V (08) |
| (c) | Kumpulan Perkhidmatan | : | Pelaksana |
| (d) | Taraf Jawatan | : | Tetap |
| (e) | Gred Gaji | : | H11 |
| (f) | Jadual Gaji | : | Gaji Minimum : RM 1,218.00 |
| | | | Gaji Maksimum: RM 2,939.00 |
| | | | Kenaikan Gaji : RM 80.00 |
| | | | Tahunan |

2. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia
- b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
 - i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
 - ii) Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (kecuali lesen memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.
 - ii) Berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.
Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:-

Lesen D	RM 1,264.15
Lesen E/E1/E2	RM 1,310.30
Lesen F/H	RM 1,356.45
Lesen G/I	RM 1,402.60

Nota : Keutamaan akan diberikan kepada calon yang memiliki lesen kelas E dan ke atas serta berpengalaman bekerja sebagai pemandu.

- c) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada Peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu daripada Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan / jentera yang diliputi oleh skim perkhidmatan ialah kereta, van, kenderaan ringan pacuan empat roda, lori, traktor pertanian, lori sampah dan jentolak.

D. CARA MEMOHON

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan di dalam Perkhidmatan Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam yang boleh diperolehi dengan bayaran RM3.00 :
- i) di Kaunter Bahagian Perbendaharaan, Pejabat Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam, KM 19 Jalan Kuala Krai, 16450 Kota Bharu, Kelantan.
 - ii) Muat - turun melalui laman web Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam www.mdketereh.gov.my (hanya borang yang dilampirkan beserta resit bayaran / cetakan resit bayaran / Wang Pos RM3.00 atas nama **Majlis Daerah Ketereh** sahaja yang akan diproses). Bayaran secara online boleh dibuat melalui Perbankan Elektronik kepada **Majlis Daerah Ketereh** melalui RHB No. 25302500001325 dan Bank Islam No. 03120010000711. (Sila kembalikan butir – butir pembayaran)
 - iii) Borang juga boleh didapati dengan menghantar sampul surat 20cm x 23cm bersetem, wang pos RM3.00 atas nama **Majlis Daerah Ketereh** dan beralamat sendiri.
- (b) Sila nyatakan nama jawatan yang dipohon di kiri sebelah atas sampul berkenaan beserta dengan resit semasa mengembalikan borang permohonan.
- (c) Semua permohonan hendaklah disertakan dengan **salinan sijil yang diakui sah oleh pegawai Kumpulan Pengurusan / Profesional serta sekeping gambar terbaru berukuran pasport dan dokumen- dokumen lain sebagai sokongan.**
- (d) Permohonan daripada pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah mengikut Peraturan 17. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Perlantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan 2005).
- (e) Permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar ke alamat berikut :-

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH KETEREH PERBANDARAN ISLAM
KM 19, JALAN KUALA KRAI
16450 KOTA BHARU
KELANTAN**

- (f) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- (g) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggung jawab calon sendiri.
- (h) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.

D. TARIKH TUTUP IKLAN : 10 Januari 2017

.....
TENGGU SHARIFUDDIN BIN DATO' TENGGU SHAH BUDDIN

Setiausaha

Majlis Daerah Ketherah Perbandaran Islam

Bertarikh : 06 Disember 2016